

## I'JAZ LUGHAWI DALAM SURAH SYURA AYAT 7 DAN KAITANNYA DENGAN ELEMEN GEOLOGI

Dr. Jazmi Md Isa  
Inst. Pend. Guru Kampus Sultan Abdul Halim, Sungai Petani

### ABSTRAK

*Artikel ini dikemukakan untuk mendedahkan I'jaz al Quran dari sudut aplikasi perkataan atau kalimah pada ayat 7 surah Syura. Ayat 7 surah Syura membicara tentang nama lain bagi Makkah yang digelar Ummulqura. Sorotan karya artikel ini diambil dari sebahagian kitab tafsir silam yang muhtabar dan yang terkini dengan mengkombinasikannya dengan elemen geologi dan geografi. Ternyata ketelitian ayat Allah yang berkaitan dengan Makkah, Masjidil Haram dan Ka'abah sebagai qiblat umat Islam juga mendedahkan bahawa perlakuan tawaf yang merupakan amalan umat Islam ketika di Ka'abah merupakan suatu fenomena kosmologi yang merangkumi semua benda yang wujud di dunia. Penemuan saintifik melalui penafsiran sebahagian dari ayat al-Quran melalui artikel ini dapat mengingatkan masyarakat manusia tentang kewujudan Allah swt. tuhan pencipta alam.*

*Kata kunci: al Quran, i'jaz Quran, Ka'abah, ayatul kaun*

### Pengenalan

Al-Qur'an merupakan mukjizat nabi Muhammad saw yang bersifat maknawi (abstrak) dan bukan bersifat maaddi (fizik) sebagaimana mukjizat yang dikurniakan kepada nabi dan rasul yang lain seperti menyembuhkan penyakit buta, mengubah tongkat menjadi ular dan lain-lain yang bersifat hilang dan tidak kekal. Mukjizat nabi Muhammad SAW yang bersifat maknawi dan bukan kejadian fizik atau mata kasar sebagaimana mukjizatnya para nabi terdahulu adalah sesuai dengan keglobalan syari'at yang dibawa oleh nabi Muhammad. Kerana mukjizat yang terjadi secara bertempoh, bersifat setempat dan berbentuk material tidak dapat diketahui secara universal dan tidak diketahui oleh generasi selepasnya kecuali hanya berita-berita yang tidak dapat disaksikan oleh mata (Azizi Hasbulloh, 2010).

Para pengkaji al Quran telah banyak berbincang berkaitan bentuk bentuk i'jaz dalam kitab Allah al Quran. Ada yang membicarakannya dari sudut ilmu Balaghah yang terdiri dari ilmu al Bayan,

Ma'ani dan Badi', ketelitian susunan, keindahan makna dan kesempurnaan lafaz yang diungkapkannya. Ada juga yang membahasnya dari sudut kemampuan al Quran berbicara dengan manusia berdasarkan tahap pemahaman dan masa manusia dan pengisyaratannya dengan kebesaran rububiyatullah pada setiap ayat yang terdapat di dalam al Quran (Azizi Hasbulloh, 2010).

### **Etimologi dan Epistimologi I'jaz al Quran**

Dari sisi etimologi, i'jaz berasal dari kata a'jaza yu'jizu i'jaazan (kata kerja transitif) yang ertinya melemahkan, memperlemah, atau menetapkan kelemahan. A'jaztu fulanan ertinya aku melemahkan seseorang. Kata i'jaz sendiri awalnya berasal dari kata dasar ajaza ya'jizu (kata kerja intransitif) yang ertinya lemah atau tidak mampu. Pengertian ini merujuk kepada surah al-Maidah ayat 31.

فَبَعَثَ اللَّهُ غُرَابًا يَبْحَثُ فِي الْأَرْضِ لِيُرِيَهُ كَيْفَ يُورِي سَوْأَةَ أَخِيهِ قَالَ يَا وَيْلَتَا أَعَجَزْتُ أَنْ أَكُونَ مِثْلَ هَذَا الْغُرَابِ فَأُورِيَ سَوْأَةَ  
أَخِي فَأَصْبَحَ مِنَ النَّادِمِينَ

Fokus ayat ini ialah pada kalimah a'ajaztu yang bermaksud adakah aku lemah. Dari sudut terminologi, i'jaz didefinisikan oleh Manna Khalil al-Qaththan (1998) dan Ali al-Shabuny sebagai "menampakkan kebenaran Nabi saw dalam pengakuan orang lain sebagai seorang rasul utusan Allah swt. dengan menonjolkan kelemahan orang-orang Arab dalam menandinginya atau menghadapi mukjizat yang berbentuk maknawi iaitu al-Quran dan kelemahan-kelemahan generasi-generasi sesudah mereka. Ali al-Shabuny menambah pengertian i'jaz sebagai "menetapkan kelemahan manusia baik secara kelompok atau bersama-sama untuk menandingi hal yang serupa dengannya."

I'jaz lughawi dari segi bahasa bermaksud al Quran mempunyai gaya bahasa khas yang sangat berbeza dengan bahasa masyarakat Arab, baik dari sudut pemilihan huruf dan kalimat yang keduanya mempunyai makna yang dalam. Usman bin Jinni (932-1002) seorang pakar bahasa Arab sebagaimana dinyatakan oleh Quraish Shihab (1997) bahawa pemilihan kosa kata dalam bahasa Arab bukanlah suatu kebetulan melainkan mempunyai nilai falsafah bahasa yang tinggi.

Kalimat-kalimat abstrak al-Qur`an mampu menghasilkan suatu fenomena konkrit sehingga dapat dirasakan ruh dinamikanya, termasuk menundukkan seluruh kata kata dalam sesuatu bahasa untuk setiap makna dan pada setiap imajinasinya. Kehalusan bahasa dan uslub al-Qur`an yang menakjubkan terlihat pada sisi balagoh dan fasohahnya, baik yang konkrit mahupun abstrak dalam mengekspresikan dan mengeksplorasi makna yang dituju sehingga dapat berkomunikasi antara Allah dan hambanya.

Shihabuddin (1997) menjelaskan dalam bukunya *Stilistika al-Qur`an* berkaitan gaya al-Qur`an, bahwa pemilihan huruf dalam al-Qur`an dan penggabungannya antara konsonan dan vokal sangat serasi sehingga memudahkan dalam pengucapannya. Lebih lanjut az-Zarqoni menegaskan keserasian tersebut juga wujud pada tata bunyi harakah, sukun, mad dan ghunnah (nasal). Paduan semua elemen ini boleh menjadikan bacaan sesuatu ayat al-Qur`an menyerupai suatu alunan muzik atau irama lagu yang amat mengagumkan.

Perpindahan dari satu nada ke nada yang lain sangat bervariasi sehingga warna muzik yang ditimbulkan pun beragam. Keserasian akhir ayat melebihi keindahan puisi, hal ini berlaku kerana al-Qur`an mempunyai purwakanti (asonasi) beragam sehingga tidak menjemukan. Misalnya dalam surat Al-Kahfi (18: 9-16) yang diakhiri vokal "a" dan diiringi konsonan yang bervariasi, sehingga tidak aneh kalau masyarakat Arab mendakwa bahawa nabi Muhammad berpuisi.

Selain kesan fonologi terhadap irama, juga penempatan huruf-huruf al-Qur`an tersebut menimbulkan kesan fonologi terhadap makna, contohnya sebagaimana penjelasan Shihabuddin (1997) dalam bukunya "*Lughah al-Qur`an al-karim fi Juz 'amma*", bunyi yang didominasi oleh jenis konsonan frikatif (huruf sin) memberi kesan bisikan para pelaku kejahatan dan tipuan, demikian pula pengulangan dan bacaan cepat huruf ra' pada surah An-Naazi'at menggambarkan getaran bumi dan langit. Contoh lain ialah dalam surat al-Haqqah dan al-Qari'ah yang mempunyai elemen lambat dan lanjut pada sebutan kalimat tertentu tetapi mempunyai unsur unsur kekuatan, kerana ayat ayat sebegini mengandungi elemen memberi pengajaran dan peringatan tentang hari kiamat.

Dari pemilihan kata dan kalimat misalnya, al-Qur`an mempunyai sinonim dan homonim yang sangat beragam. Contohnya kata yang berkaitan dengan perasaan cinta. علق diungkapkan saat bertatap pandang atau mendengar kabar yang menyenangkan, kemudian jika sudah ada perasaan untuk bertemu dan mendekat menggunakan ميل, seterusnya bila sudah ada keinginan untuk menguasai dan memiliki dengan ungkapan مودة, tingkat berikutnya محبة, dilanjutkan dengan خلة, lalu الصبابة , terus الهوى , dan bila sudah muncul pengorbanan meskipun membahayakan diri sendiri namanya العشق , bila kadar cinta telah memenuhi ruang hidupnya dan tidak ada yang lain maka menjadi التتيم , yang semua itu bila berujung pada tarap tidak mampu mengendalikan diri, membezakan sesuatu maka disebut وليه . yang semua kata-kata tersebut mempunyai porsi dan efek makna masing-masing (Shihabuddin, 1997).

### **Methodologi**

Kertas kerja ini memberi tumpuan pada menghurai kalimah kalimah tertentu yang terdapat di dalam al Quran berdasarkan huraian para ulama silam dan penjelasannya dari perspektif linguistik oleh ahli dan pakar bahasa yang menumpukan pada I'jaz Lughawi. Seterusnya huraian huraian tersebut akan dibuktikan melalui dapatan para saintis Islam dan Barat yang memperlihatkan wujudnya pembuktian dan penemuan penemuan baru yang membuktikan kebenaran firman Allah swt sebagai pencipta alam semesta.

### **Perbincangan**

Kertas kerja ini hanya memberi tumpuan kepada dua ayat dalam al Quran iaitu surah al An'am ayat 92 dan surah Syura ayat 7. Ayat ayat tersebut ialah

Surah al An'am ayat 92.

وَهَذَا كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ مُبَارَكٌ مُصَدِّقُ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَلِتُنذِرَ أُمَّ الْقُرَىٰ وَمَنْ حَوْلَهَا وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ يُؤْمِنُونَ بِهِ وَهُمْ عَلَىٰ صَلَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ

Surah Syuro ayat 7.

وَكَذَلِكَ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لِتُنذِرَ أُمَّ الْقُرَىٰ وَمَنْ حَوْلَهَا وَتُنذِرَ يَوْمَ الْجَمْعِ لَا رَيْبَ فِيهِ فَرِيقٌ فِي الْجَنَّةِ وَفَرِيقٌ فِي السَّعِيرِ

Menurut Imam al Qurthubi di dalam tafsir al Qurthubi yang dimaksudkan dengan Ummul Qura ialah Makkah. Makkah digelar Ummul Qura kerana daratan di bumi terhimpun dan bermula dari bawah tanah di Makkah. Bahkan menurut Imam al Baidhowi dalam tafsir al Baidhowi planet bumi pada asalnya merupakan planet air, kemudian buih air laut yang dipukul ombak terhimpun dan menjadi keras. Proses daratan terjadi hasil terhimpunnya buih buih yang mengeras. Pandangan ini telah disokong oleh Prof. Hussin Kamaluddin dan Dr Zaghlul Najjar (2007) melalui kitab tafsirnya.

Menurut Dr Ablah Muhammad al Kahlawy (1993) pula Makkah telah disebut di dalam al Quran dengan berbagai nama berbeza. Di sebut sebagai Bakkah pada surah Ali Imron ayat 96, disebut dengan Makkah pada surah al Fath ayat 24, disebut dengan al Balad pada suroh al Balad ayat 1 dan 2, disebut al Baldah pada surah an Naml ayat 91, disebut al Baladil Amin pada suroh Tin ayat 3, disebut Masjidil Haram pada suroh Isro’ ayat 1, disebut dengan al Bait pada suroh Quraish ayat 3 dan disebut Ummul Qora dalam surah Syuro ayat 7 dan surah al An’am ayat 92.

Penggunaan kalimah Ummal Qura yang bermaksud ibu segala kampung secara literalnya boleh diterjemahkan sebagai pusat kepada semua negara bahkan pusat kepada 7 benua yang terdapat di dalam dunia. Hal ini telah ditegaskan oleh Dr Zaghlul an Najjar (2007) seorang pakar dalam bidang Geologi seperti dalam ayat 7 surah Syura dan ayat 92 surah al An’am.

Abil Hassan Ibrahim dalam kitabnya Nazmud Durar telah menyatakan bahawa penggunaan perkataan Ummul Qura sebagai panggilan kepada kota Makkah menunjukkan bahawa Makkah merupakan daratan pertama di bumi dan asal usul bumi ialah dari Makkah. Bermula dari tanah di bawah Makkah yang berbetulan dengan Ka’abah secara geologinya menjalur dan menyambung dan seterusnya menghubungkan semua 7 benua yang wujud di atas muka bumi. Kerana mulianya kota Makkah maka Allah tujukan peringatan yang terserlah pada kalimah لتنذر secara langsung pada kalimah Ummul Qura yang selepasnya dengan firmanNya لتنذر أم القرى.

Pada ayat ini terdapat elemen balaghah iaitu Majaz Mursal من إطلاق المحل وإرادة الحال Allah tujukan ungkapan untuk beri peringatan kepada “Ummul qura” seolah olah Ummul qura itu seseorang yang beraqal, walhal ianya ialah gelaran kepada kota Makkah. Namun penggunaan ayat

selepasnya iaitu *ومن حولها* telah memadamkan kesamaran itu kerana perkataan *من* seperti dalam ayat digunakan hanya untuk mereka yang beraqal sahaja, iaitu penduduk Ummul Qura. Perkataan *حولها* yang bermaksud di sekelilingnya menunjukkan penduduk bumi keseluruhannya. Ini adalah berdasarkan hujjah dan pandangan Dr Hussin Kamaluddin dan Dr Zaghlul Najjar dua orang pakar geologi yang telah menegaskan bahawa Makkah merupakan pusat atau medan magnet bumi.

### **Penjelasan Saintifik Tentang Geografi dan Geologi Makkah**

Berdasarkan firman Allah SWT dalam surah Syura ayat 7 dan surah al An'am ayat 92, Zaghlul Najjar (2007) pakar geologi dari Wales Universiti, United Kingdom menegaskan bahawa Makkah merupakan pusat bumi. Pendapat Zaghlul Najjar (2007) dibina bersandarkan penelitian saintifik oleh Dr Husain Kamaluddin yang disiarkan dalam *The Egyptian Scholars of The Sun and Space Research Center*, Kaherah Mesir. Dengan menggunakan perkiraan matematik dan kaedah Spherical Triangle Dr Husin Kamaluddin menyimpulkan bahawa kedudukan Makkah betul betul berada di tengah tengah daratan bumi dan sekali gus membuktikan bumi ini berkembang dari Makkah (Mohd Zamri, 2014).

Kes ini terdahulu telah di sokong oleh pandangan Dr Abd Baset al Sayyed (2005) dari pusat penyelidikan Kebangsaan Mesir dalam wawancara TV al Majid. Hasil perbincangan melalui wawancara TV itu, Abdul Baset (2005) merumuskan Makkah merupakan pusat keseimbangan magnet bumi. Ini dapat dibuktikan melalui perbezaan 8.4 minit antara hemisfera utara dan selatan jika kita jadikan Greenwich sebagai rujukan masa antarabangsa (GMT) dan bukannya merujuk Makkah.

Pandangan ini turut disokong oleh kajian Prof. Robert Coleman (1992) dari Universiti Stanford Amerika Syarikat. Prof. Robert Coleman (1992) melalui kajiannya tentang pusat graviti bumi dan pusat graviti radiasi kosmik bumi (Pusat Radiasi Tarikan Magnet) mendapati bahawa pusat graviti bumi ini secara geografinya terletak di Makkah. Prof. Robert Collman (1992) menegaskan bahawa Makkah al Mukarramah yang ditengahnya terdapat Masjidil Haram dan di dalamnya terletak Ka'abah merupakan pusat bagi tujuh buah benua di dunia. Hal ini bertepatan dengan firman Allah dalam surah Syura ayat 7. Pandangan pandangan berkaitan Makkah sebagai

The Center of the World telah dikuatkan lagi melalui firman Allah dalam surah al Baqarah ayat 143:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا

bermaksud: “dan demikianlah kami jadikan kamu umat yang bersifat sederhana (di tengah) agar kamu boleh menjadi saksi kepada seluruh manusia dan bahawa rasul dalam kalangan kamu juga menjadi saksi”. Penggunaan kalimah “Ummatan wasato” ditafsirkan oleh sebahagian ahli tafsir sebagai umat yang berada ditengah, umat sederhana di tengah yang terpilih dan sesuatu yang menonjol (Ibnu Atiyyah al Andalusi, wafat 546 H).

Di samping Makkah sebagai pusat magnet bumi terdapat elemen elemen lain yang mengukuhkan pembuktian tersebut. Antaranya ialah amalan tawaf di kaabah yang melawan arus jam kerana ia menunjukkan kebersamaan pergerakan orang bertawaf dengan pergerakan kosmo bermula dari sekecil kecil atom ke sebesar besar galaksi. Hakikatnya aktiviti tawaf merupakan suatu fenomena kosmologi yang merangkumi semua benda. Bermula dengan elektron mengorbit mengelilingi nukleus, bulan-bulan mengorbit planet dan planet-planet mengorbit di sekitar cahaya matahari dan matahari dan bintang-bintang mengorbit di sekitar pusat galaksi dan energi mengorbit di jajarannya dan semuanya berputar dalam satu arah yang bertentangan arus jam (Zaghlul Najjar, 2007).

Semua ini ialah suatu fenomena yang telah di fitrahkan oleh Allah dan tawaf merupakan suatu sunnatullah dan sesuai dengan firman Allah dalam surah al Anbiya’ ayat 33.

وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ ۗ كُلٌّ فِي فَلَكٍ يَسْبَحُونَ

Maksudnya: Dialah Allah yang mencipta malam dan siang dan matahari dan bulan. semuanya bergerak di laluan. Ayat “semuanya bergerak pada laluan” menunjukkan kebersamaan pergerakan orang bertawaf dengan pergerakan kosmo bermula dari sekecil kecil atom hingga sebesar besar galaksi. Manakala kewujudan Hajarul Aswad dipenjuru Ka’abah pula melambangkan (Black Hole) Lohong Hitam.

Teori lubang hitam (Black Hole) telah dikemukakan lebih dari 200 tahun lalu oleh John Mitchell (1783). John Mitchell (1783) telah mencetuskan teori mengenai kemungkinan wujudnya sebuah lubang hitam setelah beliau meneliti dan mengkaji teori graviti Isaac Newton. Istilah "lubang hitam" pertama kali digunakan oleh ahli fizik Amerika Syarikat, John Archibald Wheeler (1968). Wheeler (1968) memberi nama demikian karena lubang hitam tidak dapat dilihat dan cahaya juga turut ditarik ke dalamnya sehingga kawasan di sekitarnya menjadi gelap. Bahkan semua benda yang mendekatinya tidak mampu lari dari graviti lubang hitam jika melintas terlalu dekat. Jumlah galaksi yang wujud di alam semesta pula dianggarkan mencecah 130 juta galaksi. Setiap galaksi mengandungi 100 juta bintang seperti galaksi Bimasakti kita yang mengorbit di pusat tertentu yang mempunyai lubang hitam yang berperanan menelan cahaya dan radiasi. Kalau diandaikan saiz sebesar bebola bumi ini, ia akan mempunyai lohong hitam sebesar hanya bola ping pong, maka bayangkan galaksi dengasn nisbah saiz Hajarul Aswad.

Batu Hajarul Aswad yang berasal dari surga telah menjadi asas pertama pembangunan Ka'bah. Ia menjadi hitam akibat banyaknya dosa manusia yang melekat disana pada saat mereka melakukan tawaf dan taubat. Rasulullah bersabda "Ketika Hajar Aswad turun, keadaannya masih putih, lebih putih dari susu, lalu ia menjadi hitam akibat dosa-dosa anak Adam (Jami al-Tirmidzi al-Hajj (877)). Berdasarkan hadis tersebut Hajarul Aswad menyerap dosa-dosa manusia yang pernah menyentuhnya dan akan menjadi saksi di akhirat nanti. Hal ini memiliki kesamaan sifat pada Black Hole dalam alam semesta. Radiasi dari Ka'bah ini tak dapat diketahui tanpa pesawat antariksa abad 20 yang membuktikan jika al Qur'an berasal dari ALLAH dan bukti al Qur'an mukjizat sepanjang masa. Kerana banyak ayat yang baru dapat dibuktikan oleh peralatan terakhir, zaman terakhir.

Kenyataan di atas disokong oleh firman Allah dalam surah al Ma'idah ayat 97:

جَعَلَ اللَّهُ الْكَعْبَةَ الْغُبُقِيَّةَ الْبَيْتَ الْحَرَامَ قِيَامًا لِلنَّاسِ وَالشَّهْرَ الْحَرَامَ وَالْهَدْيَ وَالْقَلَائِدَ ۗ

Maksudnya: Allah telah menjadikan Ka'abah sebagai rumah suci sebagai pusat dan tempat untuk beribadat.



## **Rumusan**

Rumusannya, berdasarkan firman Allah dalam al Quran melalui ketelitian pemilihan dan penggunaan kalimah kalimah tertentu menunjukkan bahawa al Quran mempunyai ketinggian nilai bahasa yang tidak dapat ditandingi oleh manusia biasa. Kewujudan elemen elemen balaghah dengan nilai estetika yang tinggi melalui ilmu Ma'ani, Badi' dan bayan telah membawa al Quran ke suatu tahap yang tertinggi sebagai kitab Mukjizat. Apabila ketinggian bahasa dalam al Quran digabungkan dengan penemuan penemuan oleh para saintis samada Islam atau Barat, ia akan menambahkan lagi pembuktian saintifik yang menunjukkan al Quran bukan sekadar kitab biasa, bahkan ia melangkaui dan menyentuh semua elemen elemen fizik, metafizik, kosmologi, geologi, geografi, astronomi, biologi dan sebagainya.

## RUJUKAN

- Azizi Hasbulloh (2010) Kontekstualisasi Kitab Kuning Di Era Sains Dan Teknologi, gerbang lama 2010.dikupas di seminar nasional peringatan Satu Abad Pondok Pesantren Lirboyo, 2 Juni 2010.
- Ablah Muhammad Alkahlawy (1993) Buku Induk Haji dan Umrah untuk Wanita.
- Abu Hasan bin H. Ali, 2005, Ensiklopedi Pendidikan Sains Dalam al-Quran, Kuala Lumpur: Emedia Publication.
- Abdul Majid al-Zindani, 1999, Mukjizat al-Quran dan al-Sunnah mengenai IPTEK, Jakarta:Gema Insani Press
- Ali Abdul Hamid Abu Al-Khair , (2004). Al-Qur'an dan Sains Moden. Johor Baharu :Perniagaan Jahabersa..
- Jamal al-Banna,( 2003) Tafsir al-Quran al-Karim baina al-Qudama wa al- Muhadithin, Cairo :Daral-Fikr al-Islamy
- Muhammad Husain Al-Dhahabi, (1995), Tafsir wa al-Mufasssirun, Kairo: Maktabah Wahbah.
- Muhammad Kamil Abdul Samad, (2004). Mukjizat Ilmiah dalam al- Qur'an. Jakarta : Media Grafika.
- Muhammad Kamil Abdul Shshamad (2003).Mukjizat Ilmiah Dalam Al-Quran. Jakarta: AkbarMedia Eka Sarana
- Muhammad Mutawalli Sya'rawi (2004) Syed Ahmad Semait (Ter). Mukjizat Al-Quran.Singapura :Pustaka National Pte LtdM.
- Manna' Khalil al\_Qattan, Studi Ilmu Qur'an ( terjemahan dari علوم القرآن ), Litera Antar Nusa dan Pustaka Ilmiah, IKAPI Yogyakarta, cetakan V 1998
- Quraish Shihab, (1997). Mukjizat Al-Quran Ditinjau Dari Aspek Kebahasaan, Isyarat, IlmiahDan Pemberitaan Ghaib.Bandung : Mizan.
- Zaghlul al-Najjar, (2003). Min Ayat Al-I'jaz Al-Ilmi Fi Al-Qur'an Al-Karim. Cairo : Maktabahal-Shurouk al-Dauliah.
- Burhanuddin Abil Hasan Ibrahim bin Umar al Baqqaiyy (tak dinyatakan tahun).
- Nazmu Adduraru fi tanasubil aayat wassuwar (tak dinyatakan tahun). Darul Kutub al Islamiy. Kaherah.
- Manna al-Qathan, "Mabahits fi Ulum al-Qur'an" diterjemahkan oleh Aunur Rafiq El-Mazni, Pengantar Studi Al-Qur'an, (Jakarta: Pustaka Al-kaustar, 2010), cet. Ke-10, h. 323.
- Muhammad Ali al-Shabuny, al-Tibyan fi Ulum al-Qur'an, (Bairut: Dar al-Irsyad, 1970), h. 91
- Muhammad Zarqani, Manahilul Irfan fi Ulumil Quran, Juz III, (Mesir: Isa Al-Babi Al-Himabi, t.t.) h. 332
- Ibnu Atiyyah al Andalusi (wafat 546 H). AL Muharrarul Wajiz fi Tafsiril Kitabil Aziz. Juzu' 1 (2001). Darul Kitab Beirut.
- Shihabuddin Qulyubi (1997) Stilistika Al-Qur'an, Titan Ilahi Perr's yogyakarta cetakan 1 November 1997
- Robert Coleman (1992). Science Magazine – Vol. 68 – P. 92 – (1992) And in fact, volume 68 of Science magazine was issued in 1928.